



NEGERI SEMBILAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 76
No. 47

23hb November 2023

*TAMBAHAN No. 12
PERUNDANGAN*

N.S. P.U. 13.

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) 2003**

[Enakmen No. 10/2003]

PEMBERITAHUAN FATWA

**AJARAN MASITAH BINTI AB JALAR DARIPADA KUMPULAN PERJALANAN
MIMPI YANG TERAKHIR**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 *[Enakmen No. 10/2003]*, Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan dengan persetujuan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin, mengeluarkan fatwa seperti yang berikut:

1. Bahawa ajaran yang dibawa oleh Masitah binti Ab Jalar daripada Kumpulan Perjalanan Mimpi Yang Terakhir adalah bercanggah dan bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
2. Ciri-ciri penyelewengan ajaran ini adalah seperti yang berikut:
 - (a) menyamakan Allah dengan makhlukNya dengan mendakwa bahawa Allah SWT berjisim. Perkara ini bercanggah dengan firman Allah dalam Surah al-Ikhlash bahawa Allah tidak sama dengan makhluk dan dakwaan sebegini merupakan suatu perbuatan syirik yang boleh membawa kepada murtad;
 - (b) mengaku menerima wahyu dengan mendakwa bahawa Allah SWT memerintahkan kepada Masitah binti Ab Jalar untuk memegang bahu Rasulullah SAW sebagai syarat untuk mengeluarkan ahli keluarganya daripada neraka. Ini bercanggah dengan akidah Islam bahawa tiada lagi wahyu turun kepada sesiapa pun selepas Rasulullah SAW;

-
- (c) dakwaan mengetahui perkara-perkara ghaib. Perkara ini bercanggah dengan firman Allah dalam Surah Luqman, ayat 34 yang menyatakan bahawa hanya Allah SWT sahaja yang mengetahui perkara ghaib; dan
- (d) pendustaan terhadap Allah dengan mendakwa Allah akan mengampunkan umat Muhammad SAW disebabkan Masitah. Para ulama' ijma' mengatakan bahawa pendustaan terhadap Allah SWT adalah suatu dosa besar yang boleh membawa kepada kekufuran.
3. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan memutuskan mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang—
- (a) menganut, mengamal, menjadi ahli atau pengikut ajaran Masitah binti Ab Jalar atau Kumpulan Perjalanan Mimpi Yang Terakhir;
- (b) mengajar, menyebarkan, membantu, menganjur, mempromosi ajaran atau menghadiri apa-apa majlis atau perjumpaan yang dikaitkan dengan ajaran Masitah binti Ab Jalar atau Kumpulan Perjalanan Mimpi Yang Terakhir; atau
- (c) memiliki, menyimpan, mencetak, menerbitkan, menjual, mengedar atau menggunakan apa-apa terbitan, risalah, majalah, buku, media sosial, dokumen, rakaman audio, filem atau apa-apa bahan yang dikaitkan dengan ajaran Masitah binti Ab Jalar atau Kumpulan Perjalanan Mimpi Yang Terakhir.
4. Mana-mana orang Islam adalah dilarang daripada bersubahat dalam melakukan mana-mana perkara yang dilarang dalam perenggan 3.
5. Mana-mana orang Islam yang telah berbai'ah atau mengamalkan ajaran Masitah binti Ab Jalar daripada Kumpulan Perjalanan Mimpi Yang Terakhir adalah disifatkan bercanggah dengan ajaran agama Islam yang sebenar dan hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah SWT.

Dibuat 20 September 2023

[JMKNS.BPK.100-32/1 Jld.4: PUNS 100/2/4 Jld.2]

PROF. MADYA DR. FAUDZINAIM BIN HJ. BADARUDDIN
*Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan*